



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (3)

**KENYATAAN MEDIA
PRESTASI PELAKSANAAN DAN PERANCANGAN PROGRAM
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA)
FASA PERTAMA TAHUN 2024**

JOHOR, 17 OGOS 2024 – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Pejabat Perdana Menteri telah merancang beberapa program MITRA bagi fasa pertama yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Program-program tersebut akan memfokuskan kepada tiga skop utama iaitu (i) Keusahawanan dan Kerjaya, (ii) Modal Insan dan (iii) Kesejahteraan Sosial.

2. Bagi program Inisiatif **Keusahawanan dan Kerjaya**, sebanyak **RM1.5 juta** telah diperuntukkan bagi melaksanakan:
 - a. **Program Bantuan Lesen Lori Good Driving License (GDL) MITRA**
 - i. Program ini dilaksanakan dengan sasaran seramai 654 belia dan dewasa dengan keutamaan kepada golongan B40 di seluruh Malaysia. Program ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan pemandu lori berat dan meningkatkan pendapatan pemandu lori dengan penambahan kelas memandu;
 - ii. Program tersebut akan dilaksanakan dengan kerjasama Institut-Institut Memandu yang dikenal pasti oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
 - iii. Program ini akan menawarkan tiga (3) jenis kelas lesen GDL iaitu kelas E, kelas E *Full* (Kejur), kelas E *Full* (bersendi) dan permohonan akan dibuka pada bulan September 2024.

3. Seterusnya bagi program inisiatif **Modal Insan**, sebanyak **RM35 juta** telah diperuntukkan bagi dua (2) program iaitu:

a. **Program Bantuan Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta**

- i. Program ini diperuntukkan sebanyak RM10 juta dengan anggaran peserta seramai 4,545 kanak-kanak. Permohonan bantuan ini telah dibuka pada 23 Jun 2024 hingga 24 Julai 2024 dan secara keseluruhan sebanyak 186 pengusaha tadika telah mengemukakan permohonan; dan
- ii. Program ini adalah bertujuan untuk memastikan kanak-kanak Malaysia India yang berumur antara empat (4) hingga enam (6) tahun bagi mendapat akses pendidikan awal dan membantu mengurangkan beban keluarga golongan B40 untuk sesi persekolahan tahun 2024/2025. Bantuan tersebut dijangka akan disalurkan pada bulan September 2024 kepada tadika yang layak.

b. **Program Bantuan Awal Kemasukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) 4.0**

- i. Program ini pula telah diperuntukkan sebanyak RM25 juta yang disasarkan kepada 12,400 orang merangkumi pelajar tahun pertama dan kedua jurusan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma yang sedang menuntut di IPT awam serta swasta bagi kumpulan B40 sahaja;
- ii. Bagi pelajar tahun pertama dan kedua, bantuan secara *one-off* sebanyak RM2,000.00 akan dikreditkan, manakala untuk pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) tahun pertama dan kedua pula akan menerima bantuan secara *one-off* sebanyak RM3,000.00; dan
- iii. Permohonan bagi program ini akan dibuka pada bulan Oktober 2024 dan bantuan tersebut akan dikreditkan dalam akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) milik pelajar mulai bulan Disember 2024 secara berperingkat. Pelajar yang telah dikreditkan bantuan tersebut akan menerima *Khidmat Pesanan Ringkas* (*short message service - SMS*) daripada BSN.

4. Bagi Program Inisiatif berbentuk **Kesejahteraan Sosial** pula, sebanyak **RM23.5 juta** telah diperuntukkan bagi dua (2) program iaitu:

a. **Program Bantuan Subsidi Dialisis MITRA**

- i. Program ini telah diperuntukkan sebanyak RM8 juta dengan anggaran seramai 800 pesakit buah pinggang golongan B40 dan M40 peringkat

akhir atau (*end-stage renal disease*) selama 12 bulan. Permohonan untuk program ini juga telah dibuka pada 23 Jun 2024 hingga 24 Julai 2024 dan sebanyak 1,153 permohonan daripada pesakit telah diterima;

- ii. Tujuan bantuan subsidi ini adalah untuk memastikan pesakit buah pinggang B40 diberikan peluang untuk mendapat rawatan dialisis serta meringankan beban kewangan pesakit. Seorang pesakit buah pinggang akan menerima bantuan maksimum sebanyak RM10,000.00; dan
- iii. Dana akan dikreditkan ke akaun BSN milik pesakit secara berperingkat sebanyak dua (2) kali pada bulan September dan November 2024 dan pesakit akan menerima Khidmat Pesanan Ringkas (short message service - SMS) daripada BSN sebagai pemakluman.

b. **Program Bantuan Sinar Cahaya MITRA**

- i. Ini merupakan program bantuan baharu berbentuk solusi pantas yang diperkenalkan dimana ia dapat membantu golongan B40 dan M40 untuk meringankan beban masyarakat India yang terjejas disebabkan oleh kejutan kesihatan yang merosot atau kejutan ekonomi;
 - ii. Antara jenis bantuan yang boleh dimohon adalah bantuan bencana; bantuan rumah atau bilik penginapan sementara; bantuan kesihatan; bantuan pengurusan jenazah; bantuan ibu bersalin; dan lain-lain;
 - iii. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan peruntukan sebanyak RM15.5 juta dengan anggaran penerima bantuan seramai 14,330 orang. MITRA akan membuka permohonan tersebut pada bulan November 2024 untuk tempoh selama 10 bulan; dan
 - iv. MITRA akan memaparkan syarat dan jenis bantuan yang terperinci dalam laman web permohonan tersebut dalam masa terdekat.
5. Secara keseluruhan, sebanyak **lima (5) program** dengan peruntukan sebanyak **RM60 juta** akan dilaksanakan pada fasa pertama. Segala program-program yang diumumkan tadi akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan MITRA akan menyediakan maklumat terperinci berkaitan program-program tersebut dalam Laman Web MITRA iaitu www.mitrap.gov.my.

6. Pada masa yang sama, MITRA sedang melaksanakan proses kerja untuk pelaksanaan program fasa kedua yang dapat membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat India Malaysia yang lebih banyak pada tahun 2024 yang akan diumumkan kemudian. Antara perancangan fasa kedua yang sedang dibuat adalah seperti Program Pelaksanaan Malaysia-China Youth TVET Training (MCYTT) yang mensasarkan anggaran seramai 500 belia Malaysia India yang akan dihantar ke Negara China untuk program ‘TVET bootcamp’ selama dua minggu, program literasi kewangan dan pembangunan ekuiti melalui Karnival pengurusan kewangan dan latihan Pasaran Saham dengan kerjasama Bursa Saham Malaysia yang akan mensasarkan seramai 5,000 orang. Disamping itu, MITRA juga sedang merencanakan program bantuan geran kepada usahawan dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia serta SME Bank.
7. MITRA juga dalam persiapan untuk membuka permohonan geran bagi tahun 2025 kepada Organisasi pada bulan Oktober 2024 ini. Pihak MITRA akan proses permohonan tersebut tersebut dan tawaran geran dijangka akan dilaksanakan pada bulan Januari 2025.
8. Bagi tahun 2025, selain melaksanakan program-program berbentuk bantuan kebijakan seperti bantuan subsidi dialisis dan tadika serta bantuan pengajian tinggi, MITRA akan fokus lebih kepada program-program pemerkasaan individu bagi meningkatkan kekayaan/ekuiti masyarakat Malaysia India.
9. Perkara ini akan dilaksanakan melalui program-program pembangunan keusahawanan khususnya dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS-Small & Medium Enterprise-SME) serta upskilling dan reskilling dalam bidang *niche area* seperti tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) dan teknologi memuncul (*emerging technology*) yang dapat membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat India secara holistik.
10. Selain pemberian geran, MITRA juga akan memastikan informasi berkaitan peluang berkaitan inisiatif-inisiatif sedia ada Kerajaan sampai ke akar umbi masyarakat. Ini dapat memastikan masyarakat Malaysia India tidak hanya bergantung kepada peruntukan RM100 juta ini malah mengambil peluang dan ruang yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
17 OGOS 2024**